

MOHD TAQWUDIN MOHD YAZID, Setiausaha, Kembara Intelekt Ke Jepun, MPP Usim 2013/14

Lawatan intelek Usim santuni masyarakat Jepun



Ummum kita selalu dengar ungkapan Jepun adalah negara maju yang hebat dengan pembangunannya serta tinggi budaya ketimurannya.

Justeru, dek kerana terpenggil untuk melihat sendiri hakikat kebenaran kata-kata masyhur itu, satu rombongan dari Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) yang terdiri daripada 21 peserta termasuk pegawai pengiring, terbang ke Negara Matahari Terbit itu pada 20 November 2014 (Khamis), jam 2.45 petang waktu Malaysia.

Lawatan intelek ini dianjurkan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Usim sesi akademik 2013/2014, bertujuan memberi pendedahan meluas kepada pelajar berkaitan kebudayaan dan kemasyarakatan di negara Jepun.

Ia juga usaha menjalinkan hubungan kerjasama mahasiswa dengan masyarakat Jepun dan mahasiswa Malaysia di Jepun.

Program ini juga medium berkesan mempromosikan Usim dan nama Malaysia, amnya di peringkat antarabangsa.

Ia juga bertindak menggalakkan peserta melihat sambil mengambil pengajaran daripada sistem pendidikan Jepun, di samping melawat tempat bersejarah dan lokasi tumpuan pelancong.

Bagi memastikan objektif murni berhasil, peserta sepakat memilih bandar raya metropolitan Tokyo sebagai destinasi dan berada di sana selama tujuh hari.

PENGALAMAN BERTARUHAN

Setiap detik di Tokyo adalah pengalaman manis buat peserta.

Pengalaman tersebut mengajar mereka aspek kehidupan, antaranya dari sudut ketinggian nilai kebudayaan masyarakat Jepun dan keteguhan disiplin mereka.

Masyarakat Jepun bukan sahaja berusaha memelihara warisan budaya nenek-moyang mereka, bahkan berjaya mengekalkan nilai budaya ketimuran tinggi dalam diri.



Sebahagian mahasiswa Malaysia di Jepun dan peserta rombongan dari Usim.



Sembang santai bersama pelajar Islam Jepun.



Temuramah oleh Hiruobi TV berkaitan makanan halal di Jepun.

Ketepatan masa telah sehati dalam kehidupan seharian.

Segala-galanya bergerak pantas dan sistematik. Di sana sudah menjadi kebiasaan orang awam berjalan laju, bahkan ada yang berlari demi mengejar masa untuk sampai ke destinasi.

Disiplin dan Jepun tidak mungkin dipisahkan.

Sepanjang lawatan, setiap hari kami lihat rantaian manusia pelbagai lapisan umur, beratur panjang hanya untuk menaiki teksi, beli makanan dan tiket. Tidak ada yang memotong barisan. Pengguna jalan raya begitu patuh lampu isyarat dan menghormati satu sama lain.

Mereka begitu menitikberatkan soal

kebersihan. Sukar melihat secebis sampah sekitar bandar raya Tokyo. Bahkan, pemungut sampah digelar jurutera kebersihan.

TOKYO BANDAR RAYA BERSIH

Kami juga ke *Arabic Islamic Institute at Tokyo (AII)*. Institusi ini adalah cawangan Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud yang berpangkalan di Arab Saudi. Kos pengurusan dan pembelajaran sepenuhnya dibiayai kerajaan Arab Saudi.

Pada hari yang lain, peserta sempat beramah mesra dengan wakil mahasiswa Malaysia di Jepun.

Kunjungan ke kediaman rasmi

Malaysian Students Association in Japan (MSAJ) menguatkan ikatan ukhwah peserta dan perwakilan pelajar Malaysia.

Usaha menyantuni penuntut Malaysia di Jepun diteruskan dengan slot ramah mesra bersama Ikatan Pelajar Islam Jepun (IPIJ) dan *Aspiring Malaysian Rijal (AMIR)*.

Pertemuan cukup bermakna itu berlangsung di Masjid Camii. Ia masjid terbesar di Tokyo dengan seni bina Turki yang menjadi simbolik kepada persahabatan Jepun dan Turki.

KAGUM KEINDAHAN TOKYO

Tokyo turut terkenal dengan keindahan taman dan tempat bersejarah. Di antara taman dilawati adalah Rikugien, Euno dan Yoyogi.

Setiap taman mempunyai keunikan tersendiri. Apa yang menariknya usaha menjaga dan memelihara kebersihan dan keindahan taman tersebut tidak hanya ditunjukkan oleh pihak berwajib, bahkan oleh rakyat Jepun yang mengunjungi taman tersebut.

Kesempatan mengunjungi tempat bersejarah tidak dilepaskan. Antara yang dikunjungi Imperial Palace dan Meiji Shrine.

Kedua-dua tempat berkenaan meninggalkan kesan sejarah penting kepada pembangunan dan kemodenan Jepun.

Imperial Palace, kediaman rasmi kerabat Di Raja Jepun, menempatkan *Museum of Imperial Collection* yang menyimpan lebih 6,000 barangan antik diraja semasa peralihan zaman Showa dan Heisei.

Manakala Meiji Shrine pula, menyimpan kisah bermulanya zaman kemodenan Jepun (zaman Meiji).

Pada hari terakhir, segala kepenatan dan kejerihan berjalan kaki ditambah pula menaiki kereta api bawah tanah, bergerak dari hujung ke hujung bandaraya Tokyo untuk menuju ke destinasi, akhirnya diredakan dengan keseronokan menaiki Tokyo Waterbus Cruise sambil melihat keindahan bandaraya metropolitan Tokyo di sepanjang sungai Sumida.

Perjalanan dari Asakusa ke Odaiba mengambil masa 50 minit.

Pada jam 11.45 malam waktu Jepun, rombongan Lawatan Intelekt Majlis Perwakilan Pelajar sesi akademik 2013/2014 bertolak pulang ke Malaysia.

Peserta pulang ke tanah air dengan pelbagai kenangan terindah sepanjang tujuh hari di bumi Negara Matahari Terbit itu.



Melawat Ueno Park, antara taman yang sering dikunjungi pelancong.



Singah di Zoo Ueno Park, lihat haiwan secara dekat.

*Mahasiswa yang ingin berkongsi pengalaman melancong sila emelkan kepada salwani@sinarharian.com.my